

HEXIWOUND ANTISEPTIC SPRAY 1%W/V

Chlorhexidine Gluconate 1%w/v

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan HexiWound Antiseptic Spray 1%w/v
2. Bagaimana HexiWound Antiseptic Spray 1%w/v berfungsi
3. Sebelum menggunakan HexiWound Antiseptic Spray 1%w/v
4. Cara menggunakan HexiWound Antiseptic Spray 1%w/v
5. Semasa menggunakan HexiWound Antiseptic Spray 1%w/v
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan HexiWound Antiseptic Spray 1%w/v
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan HexiWound Antiseptic Spray 1%w/v

Ia digunakan sebagai antiseptic bagi kecederaan kulit seperti luka, melecet, luka yang terinfeksi dan luka akibat terbakar.

Bagaimana HexiWound Antiseptic Spray 1%w/v berfungsi

Ia mengandungi chlorhexidine yang berkesan terhadap pelbagai bakteria Gram-negatif dan Gram-positif vegetatif, yis, kulat dermatofit dan virus lipofilik. Ia tidak aktif terhadap spora bakteria kecuali pada suhu tinggi.

Sebelum menggunakan HexiWound Antiseptic Spray 1%w/v

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna sekiranya anda alah terhadap sebarang bahan kandungan dalam HexiWound Antiseptic Spray 1%w/v.

- Sebelum menggunakan

HexiWound Antiseptic Spray 1%w/v mengandungi *chlorhexidine*. Maklumkan kepada pengamal perubatan anda jika anda alah terhadap *chlorhexidine*.

Berhenti menggunakan produk ini dan meminta bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami ruam, gatal-gatal,

bengkak, sesak nafas, pening atau degupan jantung yang cepat. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan HexiWound Antiseptic Spray 1%w/v

- Berapa banyak harus digunakan

Bersihkan dan keringkan bahagian yang terjejas. Kemudian semburkan ubat ini 3 kali sehari Untuk kegunaan luar sahaja.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Teruskan menggunakannya seperti yang diarahkan oleh doktor anda atau ikut arahan pada label pek.

- Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Chlorhexidine Gluconate diambil secara oral adalah jarang diserap ke dalam darah. Pengambilan tidak sengaja mungkin memerlukan lavage gastrik menggunakan susu, putih telur, gelatin atau sabun lembut. Mengambil langkah-langkah sokongan yang sesuai. Hemolisis telah dilaporkan selepas pengambilan atau pemberian intravena secara tidak sengaja. Hemolisis mungkin memerlukan pemindahan darah.

Semasa menggunakan HexiWound Antiseptic Spray 1%w/v

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi tentang ubat lain yang anda sedang ambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Tanya pengamal perubatan anda apa- apa soalan yang anda mungkin ada tentang bagaimana untuk menggunakan HexiWound Antiseptic Spray 1%w/v.

Kesan-kesan sampingan

Gangguan sistem imun.

Kekerapan tidak diketahui: Hipersensitiviti termasuk *anaphylactic shock*.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan HexiWound Antiseptic Spray 1%w/v

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya matahari. Jauhkan daripada capaian kanak- kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Deskripsi Produk

- Rupa dan warna produk

Larutan tanpa berwarna atau sedikit kekuningan dan tidak berbau.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Chlorhexidine Gluconate Solution

- Bahan tidak aktif
Purified water

- Nombor MAL:

MALXXXXXX

HEXIWOUND ANTISEPTIC SPRAY 1%W/V

Chlorhexidine Gluconate 1%w/v

Pengilang

Syarikat Wen Ken Drug Sdn Bhd
24, Jalan Lambak, Taman Johor, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

HL Pharmaceuticals Sdn Bhd
No. 760 & 762, Jalan Sentul, 51000, Kuala Lumpur.

Tarikh kemaskini RiMUP

28/07/2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 26/168